

PERUTUSAN PENGERUSI

**MESYUARAT PERANCANGAN STRATEGIK MAMPU
TAHUN 2022/2023**

**23-25 NOVEMBER 2022 (RABU-JUMAAT)
8.30 PAGI**

HOTEL CAPRI BY FRASER, JOHOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera diucapkan kepada Yang Berusaha Dr. Mohd Bakhari bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Transformasi dan Pemodenan Pengurusan), Yang Berusaha Dr. Fazidah binti Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah (Teknologi Maklumat dan Komunikasi), Ketua-ketua Perunding ICT, Pengarah-pengarah bahagian, para *champion* Sistem MyPrestasi dan pegawai-pegawai MAMPU sekalian.

Sekalung penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua ahli *mesyuarat* yang dapat hadir pada **Mesyuarat Perancangan Strategik MAMPU Tahun 2022/2023** ini. Saya dimaklumkan oleh urus setia, seramai 73 orang pegawai MAMPU telah dijemput untuk menyertai program *mesyuarat* pada kali ini.

MUKADIMAH: PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah, segala puji dan puja hanya ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala atas segala nikmat yang dilimpahkan ke atas kita dan selawat serta taslim kepada Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, dapat kita sama-sama berhimpun dalam suasana norma baharu bagi menjayakan **Mesyuarat Perancangan Strategik MAMPU Tahun 2022/2023** pada hari yang penuh berbahagia ini.

2. Terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat (BPKK) selaku penganjur dan urus setia induk bagi Mesyuarat Perancangan Strategik MAMPU pada kali ini, atas komitmen dan kerjasama sehingga program ini dapat dilaksanakan jua pada hari ini.

OBJEKTIF MESYUARAT

3. Seperti semua sedia maklum, *mesyuarat* yang dilaksanakan ini merupakan platform untuk kita sama-sama melihat dan menilai pencapaian MAMPU bagi pelaksanaan projek dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 sehingga 10 November 2022. Pada masa yang sama, objektif pelaksanaan mesyuarat ini juga adalah untuk merancang sasaran kerja baharu MAMPU bagi tahun 2023 berdasarkan kepada beberapa dasar dan agenda utama negara seperti Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, MyDigital, RMKe-12 dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025.

ANALISIS PENCAPAIAN MAMPU BAGI TAHUN 2021

4. Berdasarkan maklumat pencapaian MAMPU yang diakses hingga 10 November 2022 dalam Sistem MyPrestasi 4.0, secara keseluruhannya, pencapaian MAMPU bagi tahun 2022 ialah sebanyak **89.76% yang mewakili 433 projek**. Daripada jumlah tersebut, **99 projek di bawah Sektor TPP** memperoleh pencapaian sebanyak **89.21%**; **Sektor ICT** mencatatkan pencapaian sebanyak **92.48%** dengan **projek berjumlah 251 projek**; dan **Sektor Pengurusan** berhasil mencapai **87.59%** dengan **bilangan projeknya berjumlah 83 projek**.

5. Pecahan mengikut kategori bagi 433 projek MAMPU pada tahun 2022 ini ialah **28 projek Bitara**, **66 projek Berimpak Tinggi** dan **339 projek Sinergi Kelangsungan**. Bagi **projek Bitara**, MAMPU telah mencapai 93% siap. Bagi projek **Berimpak Tinggi**, MAMPU telah mencapai **84.51%** siap manakala mencapai **92.41%** siap bagi projek **Sinergi Kelangsungan**.

PENJAJARAN HALA TUJU MAMPU 2023

YBhg. Datin/YBrs Dr./Tuan/Puan yang saya kasihi,

6. MAMPU pada masa kini sentiasa diberikan kepercayaan oleh *stakeholders* untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan yang ditawarkan supaya sentiasa berada di tahap yang cemerlang. Justeru itu, bagi tujuan penetapan hala tuju MAMPU untuk tahun 2023, saya terpanggil untuk mengingatkan kepada YBhg. Datin/YBrs Dr./Tuan/Puan sekalian agar perancangan SKT 2023 perlulah seiring dengan pelaksanaan Pelan Strategik MAMPU 2021-2025 serta Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam selain daripada merujuk kepada dasar dan agenda utama negara.

Hadirin sekalian,

7. Saya juga ingin berkongsi empat asas utama yang boleh dijadikan panduan oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam membuat penjajaran hala tuju SKT MAMPU 2023 nanti. Empat perkara asas ini ialah agenda pendigitalan negara, *business process reengineering (BPR)*, *Change Management (CM)* dan *Good Governance* yang mendokong kepada agenda pemodenan perkhidmatan awam.

(a) Agenda Pendigitalan Negara

Pelaksanaan Agenda Pendigitalan Negara adalah salah satu cara untuk menyambung kelangsungan ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat yang berdepan kesan ekonomi pasca pandemik Covid-19 yang melanda negara. Justeru, MAMPU sebagai peneraju utama agenda pendigitalan ini perlu lebih fokus dan pro aktif untuk mempergiat

proses digitalisasi serta membangunkan ekonomi digital bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

(b) Business Process Reengineering (BPR)

Bagi memastikan MAMPU kekal relevan dan mendapat kepercayaan *stakeholders* dan rakyat, sudah tiba masanya untuk kita sama-sama mengaplikasikan *Business Process Reengineering* atau Perekayasan Proses dan menilai semula prosedur kerja sedia ada supaya penambahbaikan dapat dilakukan bagi meningkatkan kualiti dan masa penyampaian perkhidmatan. Memetik kata-kata YBhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara, setiap penjawat awam perlu bekerja secara lebih *flatter*, yakni bersifat terbuka tanpa perlu terikat dengan peraturan-peraturan yang lapuk dan terkongkong serta perlu *agile* dengan mengamalkan budaya kerja yang lebih fleksible dan responsif dalam pelaksanaan sistem dan proses kerja.

(c) Change Management (CM)

MAMPU seperti organisasi yang lain memerlukan perubahan bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan. Untuk terus kekal berdaya saing, warga MAMPU perlu bersedia untuk melakukan perubahan agar sentiasa kekal relevan. Kajian dan pelaksanaan sistem atau prosedur baharu dalam sistem atau prosedur adalah perlu bagi melancarkan urusan kerja kita seharian.

Namun begitu, dalam keterujaan kita untuk melakukan perubahan, ingin saya mengingatkan bahawa setiap perubahan yang mahu dilakukan perlu mempunyai objektif yang akan membawa MAMPU untuk terus maju di masa hadapan. Perubahan tidak sepatutnya dilakukan hanya semata-mata terdapatnya kebosanan terhadap

sistem lama atau melihat organisasi lain melakukan perubahan tetapi ia perlu dilakukan dengan tujuan untuk memenuhi objektif utama iaitu meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan kecekapan warga MAMPU

(d) Good Governance

Good Governance atau tadbir urus yang cekap merupakan asas yang perlu ada bagi memastikan keutuhan sesebuah organisasi. Tadbir urus negara yang baik amat penting kerana mengukuhkan kebolehpercayaan rakyat kepada kerajaan. Peranan ini dipikul oleh penjawat awam yang memegang prinsip telus, berakuantibiliti dan amanah untuk menjadikan sistem pentadbiran negara yang mantap.

Bab 13 RMKe-12 telah menggariskan usaha dan inisiatif kerajaan untuk memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan sektor awam melalui 3 bidang keutamaan. Salah satu bidang keutamaan yang berkait rapat dengan *good governance* ialah untuk memantapkan belanjawan dan projek kerajaan. Oleh itu, saya berharap agar semua projek yang dirancang perlulah dikaji keperluan pelaksanaannya dan tiada berlaku pembaziran sumber kewangan, masa dan tenaga. Selain daripada itu, setiap laporan projek yang dikemukakan perlulah tepat, telus dan relevan.

PENUTUP

8. Tahun 2022 kini menunggu detik untuk menutup tirainya. Namun begitu, rasanya tidak terlambat untuk saya menitipkan tahniah atas pencapaian semua pada tahun 2022 baik di peringkat MAMPU mahu juga

penglibatan MAMPU di arena yang lain. Saya merasa bangga melihat sekali kerja keras kita membuahkan hasil yang diharapkan.

9. Harapan saya, semoga kita dapat sama-sama memanfaatkan sesi mesyuarat ini sepenuhnya dengan merancang hala tuju baharu MAMPU ke arah kecemerlangan organisasi berprestasi tinggi. Semoga kedatangan tahun 2023 disambut dengan iltizam yang tinggi agar dapat kita bersama-sama memacu MAMPU merealisasikan visi untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam melalui inovasi dan pendigitalan ke arah perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan.

10. Marilah kita sama-sama berdoa moga Allahu Ya Rabbul Jalil memberkati mesyuarat ini, mengilhamkan idea yang bernas, pandangan yang jelas dan keputusan yang rasional. Kita juga berdoa agar Allahu Ya Latif, satukan hati-hati kita dan eratkan silaturahim dalam kalangan kita. Semoga dengan iltizam dan kekuatan doa kita menjadi pemangkin kepada kelancaran dan kejayaan pelaksanaan projek MAMPU pada tahun hadapan. Seterusnya, berupaya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam dan kecekapan jentera pentadbiran Kerajaan.
Aamiiinnn Allahumma Aamiiinnn